

# Pesona cantik - kaedah semula jadi kurangkan kedutan

WANITA mana yang tidak risau jika munculnya garis kedutan pada wajah apatah lagi jika ia tidak mampu ditutupi solekan sehingga ada yang sanggup berbelanja besar bagi mendapatkan produk anti penuaan.

Hakikatnya, ramai yang tidak tahu perbuatan berulang antaranya senyum, mengerutkan dahi dan ekspresi muka antara faktor kemunculan garisan halus pada wajah.

Peningkatan usia menyebabkan kulit kian matang dan hilang keanjalan. Kulit yang terdedah kepada persekitaran yang tidak sihat juga mudah rosak.

Tekanan kerja dan kehidupan yang dilalui turut mengakibatkan kedutan pada wajah.

Penyelidik Barat mendapati cara terbaik bagi mengatasi masalah ini ialah rawatan yang bermula dari dalam iaitu otot muka yang menyokong sel kulit.

Bagi mengurangkan kesan penuaan khu-

susnya garis halus, otot muka perlu dilatih supaya berada pada kedudukan yang sewajarnya kerana otot yang kuat akan mempengaruhi pembinaan sel baru dan lamakelamaan mengembalikan keanjalan kulit.

Untuk mengelak rawatan yang menyakitkan seperti pembedahan atau penggunaan 'botox', boleh mencuba kaedah yang dipelopori pakar kecantikan Amerika Syarikat dengan menggunakan sejenis pad muka, Frownies.

Teknologi ini bukanlah satu yang baru di dunia kerana sudah digunakan sejak lebih 100 tahun. Pad wajah itu diperbuat daripada tumbuhan semula jadi dan bebas kimia.

Fungsinya seakan pupuk dan penggunaannya mudah iaitu dengan melekatkan bahagian kecil pada bahagian yang bermasalah antaranya sekitar dahi, tepi sudut mata dan garisan senyuman.

Frownies bertindak sebagai penyokong untuk mendapatkan kedudukan otot yang

baik. Mudahnya, ia bertindak seakan senaman yoga untuk kulit dan membentuk semula otot yang kendur.

Bagaimanapun, penggunaan yang berterusan iaitu setiap hari digalakkan untuk kesan jangka panjang. Jika hasil yang diinginkan diperolehi, pengguna dinasihatkan meneruskan penggunaan tetapi menghadkan kepada dua atau tiga kali seminggu.

Frownies boleh digunakan untuk semua jenis kulit, tidak komogenik atau mengakibatkan alahan kepada kulit wajah kerana ia seperti kertas biasa yang mempunyai gam. Diformulasikan daripada sumber semula jadi, produk ini adalah alternatif kepada penggunaan suntikan botox atau krim antikedutan.

Harga sekotak Frownies ialah RM128 dengan kandungan 144 helaian kecil. Ia boleh didapati di bilik pameran Beauty Impress dan farmasi terpilih. Keterangan lanjut boleh menghubungi 03-22872522 atau layari laman web [www.beautyimpress.com](http://www.beautyimpress.com)